

# Bangkit dari Pembulian: Perjalananku Ke Arah Meraih PhD

written by Hazrul | 27/09/2023

*Mari kita ikuti perjalanan hidup Dr Nur Athirah ke arah mencapai PhD.*

Saya merupakan kakak sulung kepada tiga orang adik. Sebagai kakak sulung, saya sering dinasihatkan oleh ibu bapa agar sentiasa menunjukkan contoh yang baik kepada adik-adik. Saya berasal daripada keluarga yang sederhana dan telah berpeluang mendapat pendidikan yang baik. Sewaktu di sekolah rendah, saya sering digelar “budak banyak cakap” kerana suka berceloteh dan gelak ketawa dengan rakan-rakan daripada pelbagai bangsa dan agama.



Namun, kegembiraan zaman kanak-kanak berubah apabila saya masuk sekolah menengah sains berasrama penuh. Dengan bersemangat, saya telah tampil ke pentas untuk berucap dalam segmen “Speaker’s Corner” di hadapan semua pelajar. Mungkin kelantangan bersuara menimbulkan rasa tidak selesa di kalangan segelintir pelajar. Oleh itu, saya telah dibuli oleh mereka. Antara contoh aktiviti membuli yang dikenakan kepada saya termasuk mengejek fizikal, menyepahkan, menyembunyikan buku-buku dan mengisi gerobok berkunci saya dengan sampah. Pada zaman itu, kes buli tidak mendapat perhatian seperti zaman sekarang; oleh itu, ramai pelajar yang dibuli bertindak memilih untuk pindah ke sekolah harian. Saya juga menyeru pembaca generasi muda yang masih bersekolah agar bekerjasama membanteras pembulian dan mengambil kira kesan emosi kepada pemangsa.

Semenjak itu, saya telah menjadi seorang yang kurang bercakap dan hanya bercakap dengan kawan-kawan yang saya selesa. Walaupun sedih kerana sering dibuli, saya tekad untuk menjadi kuat dan kekal belajar di sekolah sains tersebut kerana mahu mendapatkan akses kepada pendidikan yang baik. Berkat kesabaran dan kecekalan tersebut, saya telah mendapat markah A dalam keputusan semua mata pelajaran SPM, lalu mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat di bawah tajaan [Jabatan Perkhidmatan Awam](#) (JPA).

Saya bukanlah seorang pelajar pintar yang mudah mendapat A dalam subjek yang dipelajari. Ketika melanjutkan pelajaran dalam bidang bioteknologi di [Rochester Institute of Technology](#) di Amerika Syarikat, saya sanggup tidur di perpustakaan untuk mengulang kaji pelajaran. Kadang kala, jika saya tidak berpuas hati dengan markah ujian, saya akan berjumpa dengan pensyarah dan meminta tugas lebih sebagai kredit tambahan.

Untuk mengurangkan beban kewangan pada keluarga, saya juga membuat kerja sambilan di universiti. Saya pernah bekerja sebagai seorang pekerja kafeteria, penulis nota dan juga pembantu makmal.

Akhirnya, saya telah menamatkan pengajian ijazah sarjana muda dengan kepujian dan pulang ke Malaysia setahun lebih awal berbanding kumpulan pelajar yang sama-sama ditawarkan pengajian ke Amerika Syarikat. Walaupun berbekalkan ijazah di dalam tangan, ilmu dalam bidang bioteknologi saya masih sedikit dan tidak mencukupi untuk menyumbang kepada negara. Berkat doa ibu bapa dan usaha yang berterusan, saya telah mendapat tawaran PhD *fast track* di bawah tajaan program [MyBRAIN](#) oleh [Universiti Kebangsaan Malaysia](#) (UKM).

Semasa menjalankan pengajian PhD, saya telah berkahwin dan berada dalam hubungan jarak jauh kerana suami saya bekerja di Sabah. Ketika itu, saya juga mempunyai seorang anak. Sebagai seorang pelajar PhD, saya sentiasa mengingatkan diri sendiri agar sentiasa cekal mengimbangi tugas sebagai seorang isteri, ibu, anak dan pelajar. Demi menampung perbelanjaan yang semakin meningkat, saya telah membuat kerja sambilan seperti menjual kerepek, kek dan manisan.

Bukan mudah untuk menyiapkan PhD di samping menjalankan tanggungjawab sebagai seorang isteri, ibu dan anak. Namun begitu, saya percaya bahawa dengan kekuatan dan ketabahan, kita mampu mencapai apa jua yang diimpikan. Saya perlu mempertahankan kajian akhir PhD saya ketika dalam fasa trimester ketiga dan seterusnya menyiapkan pembetulan tesis ketika saya sedang berpantang.



Saya bersyukur kerana telah mendapat tawaran sebagai pensyarah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) selepas menamatkan PhD. Kini, saya merupakan seorang pensyarah kanan di Institut Penyelidikan Bioteknologi di UMS dalam bidang bioteknologi. Tambahan pula, saya tidak perlu berjauhan dengan suami lagi.

Namun, panas yang disangka sampai ke petang, rupanya hujan di tengah hari. Saya telah diuji dengan kehilangan anak yang meninggal dunia akibat sakit. Kehilangan anak merupakan dugaan yang paling besar bagi setiap ibu. Tambahan pula, seminggu selepas pemergian anak saya, saya telah dipanggil untuk menghadiri temuduga [Young Scientist Network-Academy of Sciences Malaysia](#) (YSN-ASM). Semasa temuduga, saya telah memastikan agar jiwa dan mental saya kuat agar tidak mengalami gangguan emosi.

Sebulan kemudian, saya telah terpilih menjadi seorang ahli YSN-ASM. Ini sedikit sebanyak telah mengubat hati saya yang lara. Saya percaya kekuatan yang paling hebat ialah kekuatan untuk percaya pada diri sendiri dan bangkit semula selepas setiap ujian.

Semasa berada di Sabah, saya sedar bahawa terdapat pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dan tidak mendapat peluang seperti pelajar-pelajar di bandar. Tetapi saya percaya dengan adanya usaha yang kuat dan berterusan, kita mampu mengecapi kejayaan.

Kepada para pembaca khususnya anak-anak muda, di mana jua anda berada dan apa jua ujian yang anda hadapi, saya ingin anda tahu bahawa anda sangat kuat dan anda pasti mampu menghadapi apa jua rintangan.

Selain itu, hindarilah daripada melakukan jenayah buli kerana ini bertentangan dengan Islam yang begitu mementingkan kemuliaan setiap insan. Dan mereka teraniaya daripada pembulian, seperti yang saya telah alami, sepastinya seorang insan mempunyai cita-cita besar dan murni untuk memajukan bangsa dan negara.

Disediakan oleh:

**Dr Nur Athirah Yusof**

Institut Penyelidikan Bioteknologi

Universiti Malaysia Sabah

*Artikel ini disediakan di bawah siri *Inspirasi Saintis Muda Wanita*, sebuah kolaborasi antara e-estidotmy dengan Young Scientists Netwok-Academy of Sciences Malaysia (YSN-ASM).*